



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN PENGARAH

YBRS. LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK *(A.M.N., P.K.)*
PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

SEMPENA:

MAJLIS PELANCARAN PUSAT KEUSAHAWANAN DIGITAL
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

TARIKH/MASA:
28 OGOS 2025 / 10.30 PAGI

LOKASI:
DEWAN PLATINUM, POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

(SALUTASI)

Terima kasih Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani,

Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia,

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam PMMWarriors.

YANG BERUSAHA TS. ABDUL RAZAK BIN SABTU

Pengarah Kanan Kompetensi

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

YANG BERUSAHA TS. NUREZALI BIN OSMAN

Pengurus Kanan

Keusahawanan Digital

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

YANG BERUSAHA TS. JASON CHOY MIN SHENG

Timbalan Pengarah

Bahagian Kolaborasi Industri Dan Komuniti

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

YANG BERUSAHA TS. SUHAIRI BIN ISMAIL

Timbalan Pengarah Unit Pemerkasaan Pelajar

Bahagian Ambilan Dan Pembangunan Pelajar

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

YANG DIHORMATI

EN. AMALULKHAIR BIN SARBINI,

Pengarah Kolej Komuniti Jempol Merangkap Pengerusi
Keusahawanan Zon Negeri Sembilan & Melaka,

RAKAN-RAKAN INDUSTRI,

**BARISAN PENGURUSAN POLITEKNIK MERLIMAU
MELAKA,**

PARA PENSYARAH,

DAN PELAJAR-PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN.

Pembukaan & Penghargaan

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama di dalam dua acara besar yang bakal berlangsung serentak pada hari ini, iaitu:
 - i. **INDEX PMM 3.0: Penyerahan Dokumen Kolaborasi Strategik 2025,**
 - ii. **Majlis Pelancaran Pusat Keusahawanan Digital Politeknik Merlimau Melaka (PKD PMM).**

Saya bagi pihak seluruh warga PMM, mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat, rakan industri dan para hadirin ke program 2 dalam 1 yang dijalankan pada hari ini, yang mana impaknya akan memberi manfaat kepada kita semua. InsyaAllah.

Kolaborasi Strategik (INDEX PMM 3.0)

2. Hari ini kita akan menyaksikan penyerahan dokumen dengan **21 industri baharu** yang dilantik sebagai panel industri PMM.
3. Saya percaya melalui kolaborasi strategik yang dimeterai hari ini, kita memberi fokus kepada tiga agenda utama:
 - i. Meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui latihan industri, program kolaboratif, dan pemindahan teknologi;
 - ii. Memperkukuh inovasi dan penyelidikan yang melibatkan pensyarah, pelajar, dan rakan industri dalam projek bersama; serta
 - iii. Membangunkan masyarakat melalui program khidmat komuniti, keusahawanan pelajar, dan

inisiatif sosial yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

4. Bagi tahun 2025, pelbagai kerjasama penting telah berjaya direalisasikan. Antaranya ialah;

- i. **Akademi Binaan Malaysia** bersama Jabatan Kejuruteraan Awam memperkukuh PMM sebagai Pusat Penilaian Kompetensi Bertauliah dengan penjanaaan pendapatan RM3,360.
- ii. **Zus Coffee** pula, melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), menyumbang enam unit ketuhar komersil bernilai RM23,178 untuk memperkasa fasiliti latihan di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.
- iii. **Casa del Rio** dan **DoubleTree by Hilton** memberi peluang Work-Based Learning kepada lebih **200 pelajar**, selain berkongsi kepakaran sebagai Pensyarah Pelawat Industri.

- iv. **East Coast Rail Link (ECRL)** menghantar dua graduan Kejuruteraan Elektrik PMM ke China untuk latihan industri selama 10 bulan, manakala **Edra Power Holdings** menjalankan program apprenticeship bersama graduan bidang yang sama.
- v. **JAKIM** melalui Latihan Kesedaran Halal melibatkan 651 peserta syarikat tempatan dan berjaya menjana pendapatan lebih RM232 ribu hingga Ogos 2025.
- vi. **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menaja sejumlah RM15 ribu bagi penganjuran FIRA RoboWorld Cup dan Seminar ESG.
- vii. **Akar Titanium, Lembaga Jurukur Tanah, Precise Subsurface** dan **Cytron Technologies** turut menyumbang peralatan serta dana bernilai lebih RM230 ribu bagi menyokong pembelajaran dan inovasi pelajar.

5. Semua ini membuktikan bahawa hubungan strategik PMM dengan industri telah memberi impak nyata, bukan sahaja dalam bentuk dana dan peralatan, malah peluang pembelajaran dan pemindahan ilmu yang sangat bernilai kepada pelajar.

Hadirin yang dihormati,

6. Melangkah ke hadapan, PMM merancang mempergiat usaha kolaboratif melalui dua inisiatif baharu:
 - i. **Industrial-Driven Classroom** – ruang pembelajaran yang dibangunkan bersama industri untuk memberi pendedahan langsung kepada pelajar tentang keperluan sebenar dunia kerja.
 - ii. **Joint-Industry Lab** – makmal berteknologi tinggi hasil kerjasama industri, yang akan memperkukuh kemahiran teknikal pelajar dengan teknologi semasa.

Agenda Keusahawanan PMM

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Berbicara tentang keusahawanan, di Politeknik Merlimau Melaka kita amat sinonim dengan identiti sebagai institusi yang giat melatih, membimbing dan melahirkan usahawan. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan keusahawanan adalah teras identiti Politeknik Merlimau Melaka.

Inkubator Keusahawanan PMM

8. Politeknik Merlimau Melaka melaksanakan pendidikan keusahawanan melalui 3 fasa iaitu Pembudayaan, Pembangunan dan Pengukuhan, seiring dengan perancangan JPPKK dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT. Bermula tahun 2014, kami telah menubuhkan 6 inkubator keusahawanan dengan setiap jabatan mempunyai 1 inkubator mengikut bidang masing-masing. Kini, selepas 10 tahun, kami mempunyai 10 inkubator keusahawanan aktif yang berkait rapat dengan bidang TVET dalam pelbagai bidang seperti bakeri,

pertanian, pelancongan, pengurusan parcel, pembuatan cenderahati dan penyenggaraan penghawa dingin.

9. Dalam tempoh **2014 hingga 2024**, kesemua inkubator ini telah berjaya menjana pendapatan sebanyak **RM967,040.28**.
10. Selain daripada inkubator, suka saya kongsi juga pelbagai kejayaan dalam bidang keusahawanan yang telah kita raih. Antaranya ialah;
 - i. **Institusi Keusahawanan Terbaik (Politeknik)** di Anugerah Keusahawanan KPT 2023,
 - ii. Dua pegawai telah menerima pengiktirafan **Mentor Keusahawanan Anugerah Akademia POLYCC** (2023 & 2024),
 - iii. Pemenang **Anugerah Kecemerlangan Keusahawanan POLYCC** dengan pencapaian **KPI Graduan Usahawan terbaik tahun 2024**, serta

- iv. Penyertaan dan kejayaan dalam pelbagai pertandingan keusahawanan peringkat nasional.

Pusat Keusahawanan Digital (PKD) PMM

Hadirin sekalian,

11. Hari ini kita menyaksikan sejarah baharu Politeknik Merlimau Melaka dengan pelancaran **Pusat Keusahawanan Digital**.
12. Penubuhan Pusat Keusahawanan Digital ini adalah kesinambungan daripada kejayaan-kejayaan lampau, dan diperkukuh dengan kepercayaan **MDEC** melantik PMM sebagai **Hab eUsahawan pertama POLYCC**.
13. Melalui Pusat Keusahawanan Digital, PMM akan memperluas agenda keusahawanan kepada bidang digital, termasuk:
 - i. pemasaran digital dan e-dagang,
 - ii. integrasi teknologi AI dalam perniagaan, dan

iii. pelaksanaan **Projek Digital Hero** untuk melatih pelajar menjadi usahawan digital, yang disokong oleh program eUsahawan MDEC.

14. Justeru, kami mensasarkan penglibatan lebih **1,500 pelajar, 100 pensyarah dan 300 komuniti setempat** dalam tempoh lima tahun, serta melahirkan sekurang- kurangnya **150 usahawan digital muda**.

Program Reboot Digital Talent – Sempena Pelancaran Pusat Keusahawanan Digital

Hadirin yang saya kasihi,

15. Saya juga amat berbesar hati melihat **seramai 1,000 orang pelajar PMM** memenuhi Dewan Platinum hari ini untuk mengikuti program ***Reboot Digital Talent*** sebagai pengisian sempena majlis ini.

16. Program ini dimulakan dengan sesi ***Digital Tools for Student*** oleh UiTM Melaka pada sebelah pagi tadi, dan akan bersambung pada sebelah petang bersama **TikTok Shop Malaysia**, yang bukan sahaja berkongsi pengalaman pemasaran digital, tetapi turut mengadakan **temuduga terbuka** dalam kalangan pelajar PMM untuk latihan industri dan peluang kerjaya berkaitan pemasaran digital.
17. Usaha ini adalah hasil kerjasama erat dengan **MDEC**, yang sekian lama menjadi rakan strategik penting dalam pembangunan keusahawanan digital di PMM khususnya, dan POLYCC amnya.
18. Di sini juga saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada MDEC** yang bukan sahaja memberi sokongan teknikal dan kepakaran, malah turut **menaja sejumlah RM20,000.00 untuk pelaksanaan program pelajar pada hari ini**. Sokongan ini amat kami hargai.

Harapan dan Penutup

Hadirin sekalian,

19. Saya yakin dengan jaringan industri yang semakin kukuh, sokongan padu daripada MDEC, dan pelaksanaan Pusat Keusahawanan Digital, PMM akan terus melahirkan graduan TVET yang bukan sahaja mahir, tetapi juga berjiwa usahawan.
20. Harapan saya agar pelajar-pelajar PMM menjadikan peluang ini sebagai batu loncatan untuk membina masa depan – sama ada sebagai usahawan digital, profesional industri, atau pemimpin masyarakat.
21. Sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang bersama menjayakan majlis ini. Semoga usaha kita hari ini menjadi amal jariah ilmu yang berterusan.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.